

Filipina perlu minta maaf dari Malaysia — Syed Hamid

15 OCT 2002

Oleh ROHANI MOHD IBRAHIM

PUTRAJAYA 14 Okt. — Kerajaan Filipina perlu memohon maaf dari Malaysia berhubung kes gadis berusia 13 tahun yang mendakwa dirogol semasa ditahan di Pusat Tahanan Sementara, Sabah, yang kini terbukti rakyat Malaysia.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Kerajaan Filipina harus menyedari kesilapan mereka dalam membuat dakwaan tidak berasas itu dan sepatutnya meminta maaf dari kerajaan Malaysia tanpa disuruh berbuat demikian.

“Kalau Kerajaan Filipina mengatakan bahawa rakyat itu rakyat dia, dia dah salah.

“Perkara mudah tanpa kita menyuruhnya, ialah berkata kami meminta maaf, kami telah membuat kesilapan,” ujarnya.

Syed Hamid berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kedua Konsular Jeneral dan Konsular Malaysia, di sini hari ini.

Katanya, pengajaran dari peristiwa itu ialah Kerajaan Filipina tidak boleh terlalu mendengar tuduhan-tuduhan liar pihak-pihak tertentu menerusi media.

Menurut Syed Hamid, beliau difahamkan Kerajaan Filipina menafikan dakwaan tersebut dibuat oleh mereka, sebaliknya menyalahkan pihak media dalam perkara itu.

Semalam, Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Ramli Yusuff memberitahu bahawa hasil ujian DNA menunjukkan gadis itu adalah seorang rakyat Malaysia.

Gadis tersebut yang kini berada di Filipina mungkin perlu kembali ke Malaysia bagi membantu menyelesaikan siasatan kes tersebut serta memberi keterangan kepada pihak polis dan mahkamah.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Syed Hamid berkata, kerajaan Filipina perlu lebih berhati-hati dalam membuat sebarang tuduhan dan dakwaan terhadap Kerajaan Malaysia.

“Dakwaan itu dibuat tanpa memeriksa sama ada gadis itu be-

nar-benar rakyat Filipina ataupun tidak. Dan kini pihak berkuasa sedang menyiasat sama ada kejadian rogol itu benar-benar berlaku atau tidak,” katanya lagi.

Syed Hamid juga tidak menolak kemungkinan perkara ini adalah perbuatan pihak-pihak tertentu dalam usaha memburuk-burukkan Malaysia.

Kes berkenaan mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad apabila Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo menulis surat kepadanya meminta Kerajaan Malaysia menyiasat perkara tersebut kerana gadis berkenaan dikatakan rakyat Filipina.